

BELCID SUSPENSION

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Aluminum Hydroxide/Magnesium Hydroxide/Simethicone (918mg/300mg/60mg per 15ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BELCID SUSPENSION
2. Bagaimana BELCID SUSPENSION berfungsi
3. Sebelum menggunakan BELCID SUSPENSION
4. Cara menggunakan BELCID SUSPENSION
5. Semasa menggunakan BELCID SUSPENSION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BELCID SUSPENSION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan BELCID SUSPENSION

BELCID SUSPENSION digunakan untuk melegakan simptom kembung perut berlebihan, pedih ulu hati, perut kembung (angin) dan sakit ulser pada usus dan perut.

Bagaimana BELCID SUSPENSION berfungsi

BELCID SUSPENSION mengandungi Aluminum hydroxide, Magnesium hydroxide dan Simethicone. Ia adalah sejenis anti-asid yang melegakan simptom dengan meneutralkan asid perut dan mengandungi agen anti-buih yang membantu untuk memyinkingirkan gas.

Sebelum menggunakan BELCID SUSPENSION

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil BELCID SUSPENSION jika:

- Anda alah terhadap sebarang bahan aktif dan bahan kandungan lain BELCID SUSPENSION
- Anda mengalami kegagalan buah pinggang.

- Sebelum menggunakan BELCID SUSPENSION

Rujuk kepada ahli farmasi atau doktor anda sebelum mengambil BELCID SUSPENSION jika:

- Anda mempunyai kelemahan buah pinggang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Terutamanya:

- Tetracycline (antibiotik)
- Digoxin (untuk penyakit jantung)
- Indomethacin (ubat tahan sakit)
- garam zat besi (suplemen zat besi)
- Dicoumarol (penipis darah)

Cara menggunakan BELCID SUSPENSION

- Berapa banyak harus digunakan

1 sudu besar, 4 kali sehari, 1 jam selepas makan dan sebelum tidur atau sepertimana yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

BELCID SUSPENSION tidak sepatutnya diambil pada masa yang sama dengan ubat lain. Ubat-ubat ini perlu dijarakkan 1-2 jam dari dos BELCID.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil BELCID SUSPENSION sebagaimana yang diberitahu oleh doktor anda. Jika anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan ubat ini, abaikan dos terlepas. Tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Semasa menggunakan BELCID SUSPENSION

- Perkara yang perlu dilakukan

- Jika simptom berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.
- Goncang dengan baik sebelum digunakan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan membekukan produk ini.
- Jangan mengambil BELCID SUSPENSION selepas tarikh luput yang dicetak pada pek.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengandungi, merancang untuk mengandungi atau sedang menyusu anak, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati kesan yang tidak diingini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (CONSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan BELCID SUSPENSION

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering tidak melebihi suhu 30°C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian putih berperisa pudina

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Aluminum Hydroxide, Magnesium Hydroxide dan Simethicone

- Bahan tidak aktif

Sorbitol Solution 70%, Saccharin Sodium, Peppermint Oil, Methylparaben, Propylparaben, Propylene Glycol dan Purified Water

- Nombor MAL

MAL19911699X

Pengilang

Biolab Co. Ltd
625 Soi, 7A ,Bangpoo Industrial Estate,
Samutprakarn 10280, Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn.Bhd
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2,
(Off Boundary Road),
11400 Ayer Itam, Penang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26.2.2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)180118/00019